



# Jabatan Canselori

Jabatan Canselori merupakan nadi pentadbiran sesebuah universiti. Di Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Jabatan ini dibahagikan kepada beberapa unit pentadbiran yang setiap satunya mempunyai peranan dan fungsi tertentu.

## Pejabat Rektor

Pejabat Rektor berfungsi sebagai Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif Universiti yang mempusatkan segala urusan pentadbiran Universiti agar dapat diselaras dan diurus dengan sistematik dan berkesan. Pejabat ini juga melaksanakan tugas yang diperuntukkan di bawah kuasa lain yang diberi kepadanya oleh Perlembagaan, Statut, Akta, Kaedah dan Peraturan Kerajaan.

### Peranan

- Memastikan agar matlamat akademik, pengurusan dan pentadbiran Universiti tercapai, dan membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang,
- Merangka dan menyelaras program serta pentadbiran Universiti mengikut bidang kuasa yang tertentu, dan mengemukakan rancangan dan maklumat aktiviti-aktiviti Universiti kepada Pihak Berkuasa Universiti.
- Menyelaraskan lawatan rasmi ke Universiti dan lawatan pihak Universiti ke luar negeri,
- Melaksanakan fungsi eksekutif permesyuaratan dan pentadbiran Universiti
- Menyelaraskan hal ehwal pentadbiran antara jabatan dan pusat pengajian dengan pihak berkuasa Universiti serta mengawal dan menyelaras aktiviti semua Jabatan/Pusat Pengajian
- Mewujudkan hubungan baik dengan Universiti di dalam dan luar Negara dan memastikan setiap jabatan/pusat pengajian menjalankan tugas sebagaimana yang ditetapkan oleh Perlembagaan, Status, Akta dan semua peraturan Universiti.

## Pejabat Timbalan Rektor (Akademik)

### Peranan

- Merancang dan memantau pembangunan dan penambahbaikan kurikulum melalui pusat-pusat pengajian/pusat akademik.
- Merancang dan memantau pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur akademik.
- Merancang dan memantau pembangunan kejuruteraan gunasama dan khusus untuk menyokong kaedah pembelajaran practical-oriented.
- Merancang dan memantau pembangunan infrastruktur ICT KUKUM dan aplikasi-aplikasi di bawah 'Sistem Universiti Bersepadu'
- Merancang dan membuat pemilihan sumber manusia untuk menyokong program-program kejuruteraan.
- Merancang dan memantau program latihan bagi semua staf akademik dan teknikal.
- Membuat perancangan akademik, fizikal dan ICT bagi kampus tetap KUKUM.

- Membuat pemilihan staf-staf akademik luar Negara dan pencalonan penilai/perunding akademik luar.

- Merancang strategi-strategi untuk jump-start aktiviti-aktiviti R&D, dengan mengambilkira kepakaran sedia ada dan kerjasama universiti-universiti lain serta industri.

- Menjalin kerjasama industri bagi tujuan menyokong program-program akademik KUKUM.

## Pengurusan Akademik

Bahagian Pengurusan Akademik adalah di bawah penyeliaan Pejabat Timbalan Rektor Akademik dan memainkan peranannya dalam semua hal dan aktiviti yang berkaitan dengan pembangunan akademik di KUKUM.

### Peranan

- Membangunkan serta memantau pelaksanaan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan akademik seperti prosedur kemasukan pelajar, prosedur penawaran kursus, prosedur penguguran kursus dan prosedur pengecualian unit.

- mengawal selia kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran di KUKUM seperti mengawalselia atau memantau pembangunan makmal, perkhidmatan bas, dewan kuliah dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan akademik yang diberikan kepada pelajar.

- memantau perkhidmatan (teknikal dan bukan teknikal) yang diberikan kepada staf akademik dalam menjamin keberkesanan pendidikan yang disampaikan kepada pelajar.

- membantu dalam perancangan dan penyeliaan kemudahan-kemudahan ICT yang ditawarkan kepada pelajar.

- memantau bentuk-bentuk program ataupun latihan untuk memantapkan pembelajaran staf akademik di KUKUM. Sebagai contoh, mencadangkan penghantaran pensyarah atau jurutera pengajar menjalani kursus atau seminar yang ditawarkan.

## Unit Pengajian Ijazah Tinggi

### Peranan

- mengurus dan menyelaras proses kemasukan pelajar ijazah tinggi yang terdiri daripada pelajar Sarjana Sains (Penyelidikan) dan Doktor Falsafah.

- menjadi urusetia kepada Jawatankuasa Ijazah Tinggi Universiti (JITU) yang membuat keputusan yang berkaitan pengajian ijazah tinggi.

- menyelaras dana untuk memberi bantuan kewangan dalam bentuk biasiswa atau geran penyelidikan kepada pelajar ijazah tinggi bagi mengikuti pengajian ijazah tinggi di KUKUM.

- bertanggungjawab dalam meningkatkan pengambilan pelajar ijazah tinggi melalui promosi dan publisiti tentang peluang pengajian ijazah tinggi.

- bertanggungjawab menggubal dasar, peraturan, garis panduan, syarat, keperluan dan lain-lain tatacara berkaitan dengan program ijazah tinggi.

- memantau pelaksanaan dasar dan peraturan program ijazah tinggi supaya selari dengan sistem pendidikan terkini yang sentiasa berubah. Tambahan pula, pengurusan dan pentadbiran Pengajian Ijazah Tinggi yang berkembang menuntut supaya dasar-dasar dan peraturan tertentu digubal untuk kelancaran proses pentadbiran.

- menyediakan laporan keberkesanan program-program ijazah tinggi KUKUM dan memainkan peranan dalam penerbitan dan penyediaan bahan-bahan berkaitan ijazah tinggi

## Unit Penyelidikan & Pembangunan (R & D)

### Peranan

- bertanggungjawab menerapkan budaya penyelidikan di kalangan kakitangannya melalui promosi-promosi yang sedang dan akan dijalankan dari semasa ke semasa. Pada masa yang sama akan memastikan setiap pensyarahnya memiliki sekurang-kurangnya satu geran penyelidikan sama ada geran daripada dalam ataupun luar.

- memasarkan kepakaran dan kemudahan penyelidikan yang terdapat di KUKUM. Ini secara tidak langsung akan menggalakkan penyelidikan secara usahasama dengan pihak luar dan kelak akan dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Cemerlang (Research Center of Excellent). Lantaran itu, kluster penyelidikan akan dibangunkan agar bidang penyelidikan fokus dapat ditumpukan.

- bertindak sebagai Pusat Pengurusan Penyelidikan di mana pemberian geran dan aktiviti penyelidikan KUKUM akan dikawal selia. Borang permohonan geran, kelulusan geran dan laporan status penyelidikan akan diselenggarakan di sini.

- bertindak sebagai Koordinator kepada MASTIC dan penyelaras kepada e-IRPA. Pusat ini bertanggungjawab untuk membuat pendaftaran semua kakitangan KUKUM kepada MASTIC bagi membolehkan mereka mencapai e-IRPA.

- bertanggungjawab untuk menganjurkan seminar atau persidangan bagi memantapkan lagi aktiviti penyelidikan disamping memasarkan segera hasil dan produk penyelidikan yang telah dihasilkan. Pamflet, buletin dan direktori penyelidikan akan diterbitkan pada setiap tahun. Disamping itu Jurnal juga akan diterbitkan bagi menggalakan penulisan ilmiah dikalangan penyelidik.

## Unit Komunikasi Korporat

Unit Komunikasi Korporat merupakan pusat sumber maklumat berkenaan KUKUM.

### Peranan

- merancang dan mengurus persediaan persembahan untuk taklimat kepada pihak luar,
- mengumpul dan mengedarkan maklumat semasa untuk rekod dan penyebaran, dan menguruskan pendedaran majalah/buletin/penerbitan KUKUM.
- menguruskan taklimat dan kenyataan akhbar kepada pihak media, dan turut bertanggungjawab terhadap pengurusan susunan protokol dan maklumat protokol bagi upacara-upacara yang dianjurkan oleh Kolej Universiti.
- bertanggungjawab terhadap penyediaan dan menyemak draf ucapan pegawai utama,
- bertanggungjawab menyelaras lawatan pihak luar ke KUKUM,
- menguruskan kutipan derma untuk kebajikan dalam dan luar,
- membantu dalam urusan menjalin hubungan kerjasama di antara Universiti dengan pihak luar.

## Unit Audit Dalam

Unit Audit Dalam diberi tanggungjawab menjalankan tugas audit kewangan dan audit pengurusan.

### Peranan

- mengkaji semula organisasi dalam tempoh tertentu untuk mengetahui sama ada fungsi, perancangan, penyeliaan, arahan dan pengawalan adalah berdasarkan arahan dan peraturan pengurusan dan telah dilaksanakan dengan berkesan sejajar dengan objektif dan amalan pengurusan yang baik,
- menentukan kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kawalan dalaman dan pengawasan operasi.
- mengkaji ketetapan dan kesahihan maklumat kewangan dan mengenal pasti cara untuk mengukur, menjenis dan melaporkan maklumat tersebut
- mengkaji sistem sedia ada untuk memastikan ianya selaras dengan dasar dan peraturan terutamanya bidang yang mempunyai kesan terhadap operasi serta menentukan sama ada organisasi mematuhiinya. Dan jika perlu, Unit ini akan mencadangkan dasar yang sesuai
- mengkaji cara yang sesuai untuk melindungi aset dan mengesahkan kewujudan aset tersebut
- menilai faedah dan keberkesanan penggunaan sumber yang ada, mengenal pasti sama ada hasilnya selaras dengan objektif yang telah ditentukan, dan sama ada

ianya telah dilaksanakan seperti mana yang dirancangkan.

- mengkaji perjalanan organisasi dan pelaksanaan program untuk memastikan sama ada hasilnya selaras dengan objektif dan telah dilaksanakan seperti mana yang dirancangkan,
- menilai semua rancangan dan tindakan yang telah diambil selaras dengan teguran audit mengenainya.
- Bersama-sama merancang, merekabentuk, membangun, melaksanakan
- sistem pengurusan berasaskan komputer terutama dari aspek:
  - Ciri-ciri kawalan
  - Ciri-ciri ketepatan
  - Keupayaan merekod dokumentasi
- Mengemukakan jadual kerja auditan tahunan kepada Rektor dan Jawatankuasa Audit untuk pertimbangan dan kelulusan.

## Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerja

### Peranan

Unit ini berfungsi untuk memberi pendapat, nasihat, tunjuk ajar dan menyelia tahap keselamatan dan kesihatan bagi para pekerja dan pelajar KUKUM amnya, selaras dengan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan juga kod-kod amalan lain yang berkaitan.

Peranan utama Unit ini adalah untuk memastikan persekitaran tempat kerja dan pembelajaran yang selamat bagi para pekerja dan pelajar KUKUM. Unit ini juga telah menubuhkan Pasukan Penyelamat KUKUM yang terdiri daripada staf-staf sukarelawan KUKUM yang bersedia untuk menghadapi apa jua situasi kecemasan yang mungkin berlaku.

## Unit Agama Islam

### Peranan

Unit ini bertanggungjawab membangunkan insan seimbang bersama-sama dengan pusat pengajian dan jabatan lain di KUKUM. Secara terperinci Unit ini agak berbeza fungsinya dari sudut perkhidmatan ilmu yang tidak memfokus kepada bidang-bidang pengkhususan tertentu. Begitu juga perkhidmatan pengurusan dan pentadbiran; tidak seperti jabatan lain yang memfokus kepada bidang-bidang tertentu.

Secara umum boleh dikatakan Unit ini menawarkan perkhidmatan yang lebih bersifat kebajikan (menyelaras aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan keagamaan, khidmat nasihat dan sebagainya.)

Selain itu, Unit ini juga mengambil inisiatif menawarkan perkhidmatan separa akademik seperti menjalankan penyelidikan dan mengadakan perbincangan mengenai isu-isu keislaman bagi menjawab soalan-soalan serta kemusykilan-kemusykilan daripada ahli masyarakat kampus dan masyarakat luar.